

## POINTERS UCAPAN

YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOF  
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT

PROGRAM TURUN PADANG KPWKM EDISI NEGERI SARAWAK  
*#BerambahKPWKM*

16 SEPTEMBER 2020 (RABU)  
11.30 PAGI – 2.30 PETANG

PROGRAM RAMAH MESRA BERSAMA WARGA EMAS  
PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) PUSA, BETONG SARAWAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

dan Salam Sejahtera

**SALUTASI** *(akan diberikan semasa program)*

### **PENDAHULUAN**

1. Kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataa'la kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, diberi ruang dan peluang untuk bersama dalam **Program Ramah Mesra Bersama Warga Emas di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)** Pusa, Betong sebagai salah satu aktiviti dalam **Program Turun Padang (PTP) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Edisi Negeri Sarawak** pada hari ini.
2. **Terima kasih kepada PAWE Pusa** kerana sudi menerima kunjungan kami untuk lebih mendekati ibu dan bapa (warga emas) kita di sini

sebagai salah satu kumpulan sasar utama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

3. Fungsi PAWE:

- Meluaskan kemudahan untuk kesejahteraan dan pembangunan warga emas
- Menggalakkan penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak dalam pembangunan warga emas.
- Meningkatkan kualiti hidup warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif.

4. Alhamdulillah, setakat ini sebanyak **13 buah PAWE telah diwujudkan di Sarawak** dengan **seramai 18,255 ahli berdaftar** di bawah peruntukan sebanyak RM433,290

5. **4 buah PAWE di Batang Lupar** dengan peruntukan RM166,120.

6. Menggalakkan lebih banyak PAWE dan pusat aktiviti untuk warga emas sebegini **dibuka dengan sokongan ahli komuniti** untuk menyedia persekitaran yang aktif untuk warga emas dari aspek rohani dan fizikal - **contoh PAWE@Pondok.**

7. Di peringkat Persekutuan, terdapat **Mesyuarat Majlis Penasihat Dan Perundingan Warga Emas Negara.** Digalakkan pemimpin masyarakat, Ketua Masyarakat/Ketua Kaum boleh memainkan peranan dalam **mengenal pasti isu berkaitan penjagaan dan penyertaan warga emas** dalam masyarakat.

8. Isu-isu ini boleh disampaikan kepada pemimpin masyarakat yang turut sama hadir pada hari ini untuk diketengahkan sebagai perhatian Kerajaan dan KPWKM khususnya.
9. Ini adalah kerana **keperluan warga emas adalah berbeza** mengikut jantina, agama, adat resam dan norma dalam suatu masyarakat itu.
10. **Malaysia menuju ke arah Negara Tua menjelang tahun 2030** apabila populasi warga emas mencapai jumlah 15.0% daripada populasi penduduk (Unjuran Jabatan Perangkaan pada tahun 2030 terdapat 15.3% (5.8 juta) warga emas daripada 38.1 juta populasi).
11. Memperbanyakkan program **inter-generasi dengan golongan muda** untuk memupuk kesedaran golongan muda terhadap keperluan warga emas.
12. Disamping inisiatif Kerajaan dalam menyediakan persekitaran mesra warga emas - Saranan dan nasihat kepada ahli PAWE:
  - Amalkan gaya hidup yang sihat – SOP COVID-19
  - Tingkatkan kepuasan rohani melalui agama yang dianuti. Ibadah dilihat mempunyai perkaitan yang rapat dengan rohani yang sejahtera.
  - Kerap lakukan aktiviti fizikal dan minda yang aktif.

Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima kasih.